

09/09/1998

Umno Bukit Bendera sokong Dr M, Anwar

GEORGETOWN, Selasa - Umno Bahagian Bukit Bendera bersama Pergerakan Pemuda dan Wanitanya sebulat suara melahirkan sokongan terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri Malaysia.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat khas bahagian, Pemuda dan Wanita yang diadakan pada 7 September lalu. Mesyuarat itu juga memutuskan untuk menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim atas alasan kedua-dua mereka adalah tokoh dan pemimpin yang sukar dicari ganti.

Ketiga-tiga jawatankuasa Umno Bahagian Bukit Bendera itu juga memutuskan merayu kepada Dr Mahathir untuk menerima semula Anwar sebagai ahli Umno.

Mereka juga mahu Anwar diberikan kembali jawatannya sebagai Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri atas alasan, Dr Mahathir sendiri pernah berkata, kita tidak seharusnya menuduh seseorang itu bersalah sehingga mahkamah mendapatinya bersalah.

Kenyataan itu ditandatangani oleh Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera, Senator Datuk Ahmad Ismail; Ketua Pergerakan Pemuda, Mohd Ismail Mohd Othman; dan Ketua Pergerakan Wanitanya, Haslinda Mohd Hashim; serta timbalan dan naib ketua masing-masing dihantar ke pejabat Berita Harian, hari ini.

Umno Bahagian Bukit Bendera, Pergerakan Wanita dan Pemuda memohon Anwar dibicara seadil-adilnya.

"Beliau harus diberi peluang memberikan penjelasan kepada rakyat semoga rakyat terus tenang dan keamanan negara dipelihara. Jika tidak, rakyat akan berasa suatu ketidakadilan sudah berlaku," tegas mereka.

Umno Bahagian Bukit Bendera dan Bagan tidak diwakili ketika Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang mengadakan mesyuarat khas, Ahad lalu. Ia dipengerusikan Timbalan Ketuanya, Datuk Mohd Shariff Omar.

(END)